

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil berkenaan pendedahan bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador pada bulan Mac, 2021 berkenaan Kartel Polis yang ingin mendominasi pasukan keselamatan demi kepentingan mereka sendiri dan menerima wang daripada sindiket jenayah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan siasatan awal yang dijalankan, tiada timbul sebarang isu kartel dalam kalangan Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di semua peringkat. Namun demikian, PDRM juga telah menyerahkan perkara ini kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) bagi memastikan satu siasatan yang bebas dan telus.